



H-6, 2nd Floor,
Bangunan Khas, Jalan 8/1E,
46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Phone: 03-79541830
Fax: 03-79541831
E-mail: amar800@hotmail.com

Tarikh : 26 September 2011

Ketua Polis Negara
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur.
(U/P: Tan Sri Haji Ismail Bin Haji Omar)

Y. Bhg. Tan Sri,

Tiada tindakan yang diambil terhadap 20 laporan polis yang dibuat

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas

2. Sebanyak 20 laporan polis telah dibuat terhadap Dr. KD Sivakumar di atas pelbagai kesalahan termasuk ugutan, fitnah, pemalsuan dokumen, dan menyeleweng wang syarikat.

3. Untuk makluman Y. Bhg. Tan Sri, Dr. KD Sivakumar adalah pengerusi People Progressive People (PPP) negeri Johor. Mengapa polis tidak mengambil tindakan terhadap 20 laporan polis yang dibuat terhadap beliau? Adakah polis cuba melindungi beliau kerana beliau merupakan orang kuat parti komponen BN?

4. Terbaru, Dr. KD Sivakumar telah menerima anugerah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk. Setiap anugerah harus diberi selepas segala siasatan dilakukan dan kes telahpun selesai. Jika tidak adalah amat memalukan apabila anugerah diberi kepada individu yang tidak layak dan mempunyai rekod yang tidak baik seperti beliau. Adakah polis mahu kes yang berlaku di Banting berulang apabila banyak laporan polis yang dibuat namun tiada tindakan yang diambil sehinggalah kejadian serius berlaku? Di manakah keadilan polis?


5. Saya minta Y. Bhg. Tan Sri mengambil tindakan dengan segera atas semua laporan polis yang dibuat terhadap Dr. KD Sivakumar sebelum perkara yang lebih buruk berlaku. Di harap polis tidak pilih kasih dalam mengambil tindakan demi untuk menjaga imej dan maruah PDRM.

Di sini saya lampirkan salinan laporan polis yang dibuat terhadap Dr. KD Sivakumar untuk perhatian dan tindakan selanjutnya daripada pihak Y. Bhg. Tan Sri. Kerjasama daripada Y. Bhg. Tan Sri amat saya hargai.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



.....
SENATOR DR. S. RAMAKRISHNAN

s.k. Y.B. Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein
Menteri Dalam Negeri,
Kementerian Dalam Negeri,
Aras 12, Blok D1, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA.

<u>Masa</u>	<u>Polis Report No.</u>	<u>Ugutan</u>	<u>Pengadu</u>
06/02/08	Skudai/001194/08	I akan Finish You	Rasamanikan a/l Chinnappan
20/05/09	Nusa Jaya 005063/09	Mengugut	Selvanesan a/l Kolathenesanihan
31/05/09	Spg. Rengam/002021/09	Mengugut	Dr.Muruga Raj a/l Rajathurai
22/06/09	Nusa Jaya/006413/09	Mengugut	Chandran a/l Mukundan
16/09/10	Masai/04607/10	Akan Bunuh Saya	Selapang a/l Suppramuniam
10/02/08	JBS/003617/08	Hendak tumbuk	Kumarasamy a/l Naciappan
		<u>Fitnah</u>	
24/02/08	Skudai/001744/08	Fitnah	K.D.Sivakumar a/l Krishnadas
29/03/08	G. Patah/000727/08	Fitnah	Paruvathy a/l Gunsagaran
06/04/08	Skudai/0002559/08	Fitnah	Muniswary a/p Govindasamy
06/04/08	Tmn.Uversiti/00655/08	Fitnah	Varatha Rajoo a/l Vairamuthoo
07/04/08	Tmn.Uversiti/000668/08	Fitnah	Varatha Rajoo a/l Vairamuthoo
07/04/08	Tmn. Universiti/000672/08	Fitnah	Chandran a/l Mukundu
		<u>MenggangguPekerja</u>	
13/04/08	Nusajaya/003616/08	Mengganggu Pekerja	Kumarasamy a/l Naciappan
24/02/08	Nusajaya/000672/08	Pengaruh Pekerja	Kumarasamy a/l Naciappan
		<u>Rasuah</u>	
30/05/08	TG.Kupang/000575/08	Tentang Saham Innoseal	Kumarasamy a/l Naciappan
		<u>Commercial Crime</u>	
22/06/08	Senai/002705/09	Cek	
22/07/08	Nusa Jaya/007386/08	Pemalsuan Dokumen	Kumarasamy a/l Naciappan
12/09/08	Nusa Jaya/009209/08	Cek	Kumarasamy a/l Naciappan
12/09/08	Nusa Jaya009213/08	Cek	Kumarasamy a/l Naciappan
		<u>Menghalang Majilis</u>	
13/06/09	JBS/011310/09	Menghalang Majilis	Suresh @ Suthie a/l Subramaniam
24/01/10	Tampoi/000966/10	-	Subramaniam a/l Govindasamy
24/01/10	Dangwangi/002958/10	-	Subramaniam a/l Govindasamy
		<u>Surat Kepada</u>	
10/09/08	*DCP Dato' Mohd. Mokhtar Bin Mohd. Fhariss (Ketua Polis Johor) * Supd. Abdul Aziz Bin Ahmad (IPD Nusa Jaya)	Fitnah (Surat Bantahan)	Chandran a/l Mukundu
20/06/08	BPR/PPM:20/38/01.46 (113)	Pencegah Rasuah	Kumarasamy a/l Naciappan